

17/03/1997

Guru berfungsi ringankan masalah sosial

GURU tidak terlepas daripada mengharungi masalah sebagaimana profesion lain. Masing-masing mempunyai tanggungjawab yang harus ditunaikan untuk keluarga dan masyarakat. Sebenarnya, di segi darjat, profesion perguruan dianggap lebih tinggi kerana mereka bukan saja menjadi harapan ibu bapa malah tugas mereka mempunyai kaitan yang rapat dengan kepentingan bangsa, negara dan agama. Pengharapan masyarakat terhadap guru terlalu tinggi kerana mereka adalah pembentuk masyarakat. Tugas guru adalah suci jika mereka memahami sebenarnya fungsi guru sebagai pendidik. Mereka bukan saja ditugaskan untuk mendidik, malah lebih daripada itu berusaha mewujudkan satu masyarakat yang mulia, berilmu dan mempunyai jati diri. Sebagaimana kita menganggap sekolah itu penting untuk anak kita, begitulah kita menganggap guru sebagai satu elemen yang amat signifikan.

Malangnya, ramai guru yang terus mengeluh, kononnya, tugas yang mereka pikul terlalu berat. Ada yang beranggapan tugas mereka hanyalah mengajar murid berasaskan mata pelajaran yang diarahkan kepadanya. Jika guru Matematik, beliau hanya mengambil berat soal kecekapan murid menyelesaikan masalah matematik. Jika guru bahasa Inggeris pula, tugasnya ialah memastikan murid boleh menjawab soalan dengan betul. Semua ini dilakukan kerana keputusan murid akan mencerminkan kehebatan mereka mengajar. Sebaliknya, jika muridnya terjebak dalam gejala sosial lain, itu bukan urusannya. Inilah hakikat yang sering berlaku dalam masyarakat pendidik hari ini. Ada guru yang mengatakan kerenah murid hari ini begitu teruk, hinggakan mereka tidak dapat melayan mereka. Bagi mereka, tugas mendidik dianggap sebagai beban, bukan tanggungjawab yang murni. Kita kurang faham apakah cabaran yang harus dihadapi oleh seorang pendidik jika mereka tidak dapat memperbaiki disiplin muridnya. Seorang guru yang bijak pastinya mempunyai rahsia mengawal murid. Sikap beralah terhadap kelakuan murid, tidak seharusnya menjadi amalan guru.

Pada kita teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai asas yang kukuh. Beliau sedar terhadap sikap sesetengah guru yang tidak memberi pengajaran menyeluruh kepada murid, sebaliknya hanya menumpukan perhatian mengajar mata pelajaran yang ditugaskan kepada mereka. Memanglah, untuk bekerja senang, guru hanya perlu berada di dalam kelas pada waktu yang ditetapkan dan keluar sebaik saja waktu mengajar selesai, sama ada apa yang diajar diterima atau tidak, bukanlah urusannya. Mengajar adalah satu disiplin. Oleh itu tugas guru juga adalah mengenai disiplin. Jika guru gagal mengajar murid supaya rajin belajar atau menyiapkan kerja rumah, bermakna guru itu sendiri tidak mengamalkan disiplin. Jika guru itu kuat berpegang kepada disiplin, muridnya pasti akan mematuhi arahannya. Pada kita semua ini adalah mata pelajaran yang tidak secara langsung dapat membentuk keperibadian murid. Masalahnya, apabila guru langsung tidak mengambil kisah mengenai kemajuan murid.

Tanpa bertujuan mengecam masyarakat guru, kita berpendapat teguran Dr Mahathir ini perlu dilihat secara positif kerana bersikap 'enggan menangani masalah murid' terutama di luar bilik darjah, bukanlah sikap guru tulen. Pada kita guru bukan saja bertanggungjawab terhadap pencapaian muridnya dalam pelajaran, malah pembentukan sikap murid. Kita masih berpegang kepada prinsip bahawa murid menghormati guru dan mendengar nasihat guru. Jika guru langsung tidak menghiraukan keruntuhan moral muridnya, bermakna guru juga tidak lagi memandangi profesion perguruan sebagai satu profesion yang mulia di sisi masyarakat. Kita mencadangkan

Kementerian Pendidikan menerusi guru besar atau pengetua sekolah, mengenal pasti guru yang enggan melakukan kerja lebih untuk masyarakatnya, sebaliknya lebih suka menghabiskan masa berbual-bual di pejabat guru. Golongan guru ini perlu dihantar berkursus untuk memulihkan sikap mereka supaya lebih mendalami fungsi seorang guru yang begitu luas. Kita mahu guru berfungsi meringankan beban negara dalam menangani gejala sosial hari ini walaupun kita sedar masyarakat dan semua pihak turut memainkan peranan masing-masing. Kita percaya jika di sekolah anak-anak dididik berdisiplin, mengajar anak-anak mengenai baik dan buruk sesuatu perbuatan itu, tugas masyarakat menjadi lebih mudah. Jika mereka berjaya melakukannya, pujian pertama yang harus diberikan ialah kepada guru.

(END)